

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada patut jika sebuah suruhanjaya yang bebas ditubuhkan untuk menjalankan kajian serta menasihati Parlimen sebelum sebarang rang undang-undang baru atau pindaan dibentangkan di Parlimen dan mengapa janji Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 tidak ditepati.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya Kerajaan bersetuju agar cadangan pindaan berskala besar kepada mana-mana undang-undang dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji Rang Undang-Undang tersebut. Cadangan ini hanya merujuk kepada pindaan-pindaan kepada undang-undang yang berskala besar (*major amendments*) serta yang difikirkan perlu ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menelitinya dan bukannya bagi setiap rang undang-undang yang dibawa ke Parlimen.

Cadangan ini bukanlah satu perkara baru kerana ia sememangnya termaktub dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Ia juga pernah dilaksanakan sebelum ini untuk mengkaji rang undang-undang dan meneliti beberapa isu tertentu membabitkan Ahli Parlimen dari pihak Kerajaan dan juga dari pihak pembangkang. Sebagai contoh:

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (laporan dibentangkan pada tahun 2006);
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan dan Khidmat Negara (laporan dibentangkan pada tahun 2007);
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (laporan dibentangkan pada tahun 2012); dan

- (iv) Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (laporan dibentangkan pada tahun 2012).

Cadangan ini secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan namun seperti yang dinyatakan di atas, cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini hanya untuk pindaan-pindaan kepada undang-undang yang berskala besar (*major amendments*) serta yang difikirkan perlu untuk ditubuhkan untuk menelitinya dan bukannya bagi setiap rang undang-undang yang dibawa ke Parlimen.

AKTA HASUTAN 1948

Pada 12 Julai 2012, YAB Perdana Menteri telah menyuarakan satu hasrat murni mengenai pemansuhan Akta Hasutan 1948. Namun, segala keputusan mestilah mengambil kira keadaan semasa. Memandangkan sejak kebelakangan ini wujud kecenderungan di kalangan segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab untuk membuat kenyataan berbaur hasutan, ia berpotensi mencetuskan ketegangan kaum dan mengancam keharmonian serta sistem demokrasi negara.

Peningkatan perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti perbuatan memberi kenyataan dan menyebarkan penerbitan yang berniat jahat dan mengapi-apikan antara kaum dan agama serta bidasan yang tidak wajar terhadap institusi beraja di Malaysia, Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja bagi negeri-negeri boleh memudaratkan dan menggugat ciri-ciri negara yang paling bernilai iaitu toleransi dan keharmonian di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

Oleh yang demikian, demi memastikan bahawa keharmonian dan kestabilan Negara yang telah dikecapi selama lebih lima puluh lapan tahun ini kekal dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat beberapa penambahbaikan bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa.

Dalam menggubal pindaan kepada Akta Hasutan 1948, Kerajaan sentiasa memastikan pindaan yang dibuat menjadikan Akta Hasutan 1948 lebih baik dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip asas undang-undang yang sewajarnya.

Selain itu, pindaan kepada Akta Hasutan 1948 turut mengandungi elemen nilai tambah (*value added*) iaitu perbuatan menghina atau mendatangkan kebencian terhadap Kerajaan dan penghinaan mahkamah tidak lagi menjadi suatu kesalahan hasutan.

Keperluan mengekalkan Akta Hasutan 1948 adalah bagi memastikan hak kebebasan bersuara tidak disalahgunakan untuk menyebabkan kekacauan, ketidakamanan dan suasana kacau bilau. Perbuatan menghasut yang menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sememangnya boleh mendatangkan permusuhan, pengembangan niat jahat dan seterusnya menjejaskan ketenteraman awam atau *public order*. Perlembagaan Persekutuan dengan jelas membenarkan Parlimen membuat undang-undang untuk membuat sekatan bersuara atas dasar ketenteraman awam.

Walaupun Akta Hasutan 1948 telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen, Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa penguatkuasaan Akta Hasutan 1948 akan dijalankan dengan adil bagi

memastikan negara yang lebih stabil, aman dan harmoni untuk semua pihak.

Sekian. Terima kasih.